

Terengganu ke separuh akhir



KANGAR - Juara bertahan, Terengganu berdepan detik cemas seketika sebelum menjadi pasukan pertama menempah tiket ke separuh akhir acara hoki lelaki pada temasya Sukma XVII Perlis 2014.

Pasukan pantai timur itu mencatat kemenangan tipis 3-2 ke atas Johor pada aksi keempat Kumpulan A di Kompleks Sukan Negeri di sini semalam.

Terengganu selesa mendahului tiga gol menerusi jaringan Mohamad Shazwi Rani (10), Mohamad Khairul Anuar Zakaria (30) dan Muhammad Sufi Ismat pada minit ke-41 tetapi kemudiannya terpaksa mempertahankan kelebihan mereka apabila Johor berusaha bangkit.

Pasukan dari selatan tanah air itu meledakkan dua gol dalam tempoh enam minit menerusi Mohd. Kamarul Ariffin Kamarudin dan Mohd. Firdaus Fauzi,

masing-masing pada minit ke-50 dan 56 tetapi tidak cukup untuk mengekang kemaraan Terengganu.

Jurulatih Terengganu, Nik Rozemi Nik Mohamed gembira dengan kejayaan tersebut biarpun cemas seketika melihat anak-anak buahnya mudah melepaskan dua gol kepada Johor selepas selesa mendahului.

Dia juga tidak kisah bertemu mana-mana pasukan yang akan menjadi pencabar mereka pada aksi separuh akhir yang akan bermula 2 Jun ini, selain yakin barisan pemain kali ini mampu mempertahankan pingat emas yang diraih dua tahun lalu.

“Status juara bertahan memang memberikan tekanan tetapi saya yakin para pemain boleh melakukannya dan pada pandangan saya Perak adalah pasukan yang kuat kali ini.

“Susah juga nak cakap berapa peratus keyakinan yang kami ada tetapi yakin dapat mempertahankan pingat emas dua tahun lalu,” katanya.